

**Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam talian bagi kursus penghayatan etika dan peradaban (PEdP): Kajian kes di kalangan pelajar prasiswazah di Universiti Malaysia Sabah**

**ABSTRAK**

Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP) merupakan kursus wajib universiti sebagai ganti kepada kursus Hubungan Etnik di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang mula diperkenalkan pada tahun 2020. Sebagai kursus baharu, antara objektifnya ialah untuk memastikan pelajar agar dapat menghayati etika dan peradaban yang wujud dalam masyarakat kepelbagaian etnik di Malaysia. Justeru itu, Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HEPs) dipraktikkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PnP) agar pelajar dapat memperteguhkan lagi pemikiran kritikal dan analitikal mereka bagi menangani kehidupan yang lebih mencabar pada masa kini dan akan datang. Justeru itu, kertas kerja ini membincangkan tentang keberkesanan PnP dalam talian bagi kursus PEdP tersebut sesuai dengan keadaan norma baharu pada masa kini. Bagi meninjau keberkesanannya, kajian telah dibuat dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS). Antara perkara yang disentuh dalam kajian tersebut termasuklah objektif, kurikulum dan kaedah PnP. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa matlamat asas dan objektif kursus ini tercapai walaupun dibuat dalam talian sepenuhnya, tetapi ia diandaikan bahawa pencapaian akan lebih ketara sekiranya ianya diajar menggunakan kaedah tradisional iaitu melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka.